

Korban terbaru melioidosis

Sinar harian 29/07/2010 M/S 18

Remaja 15 tahun maut mangsa kuman maut ragut tujuh nyawa sejak 3 Julai

NORFARAHAH OTHMAN

BENTONG—Seorang remaja berusia 15 tahun menjadi mangsa terbaru bakteria melioidosis di daerah ini selepas bakteria yang sama meragut tujuh nyawa di Maran sejak 3 Julai lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, mangsa, Ng Wai Kin adalah pelajar dari sebuah sekolah menengah di daerah ini meninggal pada 21 Julai lalu di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSAS) dan dikebumikan di Bentong pada 23 Julai 2010.

Menurutnya, sebelum disahkan mendapat jangkitan bakteria ini, mangsa pernah mendapat rawatan di Hospital Bentong akibat kecederaan di lutut kiri semasa bermain bola sepak di padang sekolahnya.

“Doktor menjalankan pemeriksaan awal dan mendapati di bahagian peha mangsa juga mempunyai

bisul menyebabkan pembedahan kecil terpaksa dijalankan.

“Mangsa menjalani rawatan di hospital bermula 13 Julai sehingga 20 Julai memandangkan dia juga mempunyai penyakit kencing manis dan memerlukan pemerhatian teliti.” katanya semasa menziarah keluarga mangsa di Kampung Kemansur petang kelmarin.

Tiong Lai berkata, selepas dibenarkan keluar hospital pada 20 Julai kira-kira jam 2.00 petang, mangsa mengadu sakit-sakit badan dan demam yang teruk hingga terpaksa dimasukkan semula ke Hospital Bentong kira-kira jam 8.00 malam.

Menurutnya, mangsa kemudiannya bawa ke HoSAS kira-kira jam 11.00 malam untuk mendapatkan rawatan susulan.

“Namun begitu, tidak sampai sehari dimasukkan ke HoSAS, mangsa disahkan meninggal dunia kira-kira



● Tiong Lai (kanan) sedang bertanya khabar keluarga mangsa di kediaman Kampung Kemansur dekat sini sambil diperhatikan Pengarah Hospital Bentong, Datuk Dr Chandara Sekanan Raman.

jam 8.30 pagi dan ujian makmal dijalankan mengesahkan bahawa mangsa meninggal akibat jangkitan bakteria melioidosis.

“Kematian mangsa tiada kaitan dengan kes yang berlaku di Lubuk Yu Maran kerana tidak pernah berkunjung ke sana,” katanya.

Tiong Lai berkata, bakteria itu sememangnya wujud di dalam tanah namun ia memberi kesan yang mengakibatkan kematian sekiranya memasuki badan mereka yang berdepan penyakit kronik terutama kencing manis kerana sistem keimunan badan tidak kuat.